

R GB 18-07 00186 BA793

aab

Mahathir - Tuduhan

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff tidak perlu meletakkan jawatan semata-mata kerana pernah menjadi rakan kongsi syarikat yang membina tempat simpanan peluru tentera di Melaka.

Katanya, Tan Sri Osman menjadi rakan kongsi dalam syarikat Sri Kinabalu semasa dia bukan Menteri Besar dan tidak aktif dalam syarikat itu.

+Seperti biasa dia telah meminjamkan namanya dengan harapan mendapat sedikit sebanyak pendapatan, seperti juga ramai peniaga bukan Melayu menjadikan orang Melayu sebagai pengarah syarikat kerana ingin memberikan gambaran bahawa mereka patuhi Dasar Ekonomi Baru,+ katanya semasa menggulung perbahasan usul Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat hari ini.

Ketika menjawab perkara berbangkit semasa perbahasan, beliau berkata tugas pengarah bukan untuk memeriksa tiap-tiap hari sama ada simen dan besi cukup atau tidak semasa sesebuah bangunan dibina kerana tugas itu diberikan kepada penyelia.

Isu tempat simpanan peluru tentera di Kem Sungai Udang, Melaka itu mendapat perhatian apabila Jawatankuasa Kira-kira Awam mendedahkan baru-baru ini bahawa pembinaannya tidak dibuat dengan sempurna. -- lagi

♥18/07/19-16MST

R GB 18-07 00199 BA794

aab

Mahathir - Tuduhan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika kerana tempat simpanan peluru itu tidak dibina dengan baik Tan Sri Osman sebagai pengarah syarikat harus meletakkan jawatan, anggota DAP Tanjong Encik Lim Kit Siang juga patut meletakkan jawatan setelah parti itu gagal menguasai Pulau Pinang pada pilihan raya umum lepas.

Ini kerana Encik Lim sebagai Pengarah Pilihanraya DAP Pulau Pinang patut bertanggungjawab terhadap kegagalan itu dan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP dan bersara daripada parti itu, katanya.

+Tetapi selain daripada sandiwara letak jawatan, anggota yang berhormat itu telah terus dengan jawatan Setiausaha Agung dan Anggota Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Pulau Pinang,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga sebelum itu telah membidas Encik Lim kerana membuat tohmahan terhadap orang-orang yang tidak mampu mempertahankan diri di dalam dewan itu seperti pengerusi Petronas Tan Sri Basir Ismail dan peniaga Encik Ananda Krishnan mengenai pembelian saham syarikat Seri Kuda.

Beliau berkata Encik Lim mendakwa kononnya Petronas membeli saham dalam Seri Kuda kerana pemilik syarikat itu, Ananda Krishnan menjadi penjamin kepada Tan Sri Basir apabila beliau meminjam wang untuk membeli syarikat FIMA. -- lagi

♥18/07/19-18MST

R GB 18-07 00157 BA795

aab

Mahathir - Tuduhan 3 Kuala Lumpur

+Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak Ananda Krishnan menjadi penjamin tetapi cadangan Petronas mengambil saham majoriti dalam Seri Kuda adalah hasil pertimbangan komersil semata-mata,+ katanya.

Tanah Kelab Lumba Kuda dijual berikutan arahan kerajaan kepada kelab tersebut supaya keluar dari pusat Kuala Lumpur kerana lokasinya menyebabkan kesesakan lalulintas, katanya.

Oleh kerana kelab itu memerlukan wang untuk membina padang lumba kuda baru, ia membuat keputusan untuk menjual tanahnya seluas 39 hektar di Jalan Ampang.

Katanya, kerajaan telah mensyaratkan kepada Seri Kuda bahawa lebih daripada 50 peratus tanah kelab hendaklah dijadikan taman rekreasi.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang berucap selama sejam, telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance Limited (BMF) pada awal ucapannya bagi menjawab dakwaan Encik Lim yang mengaitkan beliau sebagai rakan kepada bekas pengerusi BMF Lorrain Esme Osman ketika mereka dalam FIMA. -- lagi

♥18/07/19-21MST

aab

Mahathir - Tuduhan 4 Kuala Lumpur

+Saya akui bahawa Lorrain adalah pengarah FIMA semasa saya menjadi pengerusinya. Setakat yang diketahui pada masa itu Lorrain belum melakukan apa-apa kesalahan.

+Apakah jika seseorang menjadi penjenayah apabila ia tua, maka ia sudahpun bersalah sebelum itu?+ tanya Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, Encik Lim cuba menggunakan taktik +bersalah kerana ada kaitan+ kerana beliau (Datuk Seri Dr Mahathir) kenal dan biasa bekerja dengan Lorrain tetapi Encik Lim enggan menonjolkan +sahabat barunya+ yang begitu rapat dengan Lorrain ketika Lorrain dituduh melakukan kesalahan.

Sambil menyebut sejarah penubuhan BMF, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Pengerusi Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) pada masa itu Tengku Razaleigh Hamzah dan Lorrain merupakan orang-orang yang menandatangani memorandum memperbadankan BMF.

+Jika Anggota Yang Berhormat dari Tanjong boleh menyindir dan membuat tuduhan serong kerana saya biasa duduk semeja dengan Lorrain, kenapa ia tidak bangkitkan hubungan sahabat karibnya dengan Lorrain dalam acara-acara yang menimbulkan lebih tanda tanya iaitu semasa jenayah BMF berlaku?+ --, lagi

♥18/07/19-24MST

R GB 18-07 00180 BA797

aab

Mahathir - Tuduhan 5 Kuala Lumpur

Tengku Razaleigh, yang juga Anggota Parlimen Gua Musang dan bekas Menteri Kewangan, kini memimpin Parti Semangat 46, yang telah membentuk kerjasama dengan DAP bagi menentang Barisan Nasional pada pilihan raya umum tahun lepas.

Datuk Seri Dr Mahathir mempersoalkan kenapa Encik Lim enggan menyebut tuduhan lamanya mengenai skandal BMF itu kali ini sedangkan pandangan Encik Lim sudah dirakam dalam +hansard+ pada tahun 1984.

+Apakah setelah sahabat barunya menjadi penyokong kuatnya dan memberi laluan kepadanya sebagai ketua pembangkang, maka anggota yang terhormat itu sudah memaaf dan mengampunkannya?

+Apakah sebabnya pada pilihan raya yang lalu, ketua DAP tidak sekalipun menyebut skandal BMF dalam kempennya?+ kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Penyiasat berhubung dengan skandal BMF tetapi laporan mereka tidak lagi boleh dipercayai kerana kemungkinan besar terdapat +berat sebelah+.

+Sekarang kitapun sudah tahu bahawa dua daripada tiga orang anggota jawatankuasa itu sebenarnya bukanlah bebas tetapi memang menjadi penyokong pembangkang dan penyokong bekas pengerusi BBMB itu,+ katanya. -- Bernama

♥18/07/19-27MST